

Exploration of Lines in Landscape Painting and Architecture

Salmah Ali*

*College of Creative Arts, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka.
Alor Gajah, Melaka, Malaysia
Emel: salmah_ali77@uitm.edu.my*

Haslinda Abdul Razak*

*College of Creative Arts, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka.
Alor Gajah, Melaka, Malaysia
Emel: haslinda802@uitm.edu.my*

Shaliza Dasuki*

*College of Creative Arts, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka.
Alor Gajah, Melaka, Malaysia
Corresponding author
Emel: shahmd@uitm.edu.my*

Baharim Khusil@Samuri*

*College of Creative Arts, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka.
Alor Gajah, Melaka, Malaysia
Emel: baharim@uitm.edu.my*

Received Date: **18.11.2024**; Accepted Date: **05.02.2024**; Available Online: **22.03.2024**

**These authors contributed equally to this study*

ABSTRACT

Lines are one of the six basic elements in art that are the most dominant and important in the production of works of art. A line is a connection from point A to point B or points connected with a certain distance. Lines also play a very important role in creating looks, shapes, weaves, movements, tones, and patterns. The visual existence of the art of painting is because it is processed using a variety of lines with distinctive line-type characteristics. This study aims to analyze the function of lines that can create the illusion of light and shadow and translate the psychology of lines to human perception. Landscape and architectural images that display the quality of lines are produced through techniques such as "continuous line drawing" and "gesture". The data collected to analyze this study is from a series of paintings that have been produced during trips to holiday locations namely Penang, Melaka, and Pahang. The appreciation method used is based on the formalistic analysis expressed by the 19th-century art critic Roger Fry through observation and comparison to evaluate the function of lines and psychological perception. The findings of this study will help to understand the importance of line elements to create the effect or illusion of reality in the production of 2-dimensional paintings.

Keywords: *Fundamentals of Painting, Formalistic Aspects, Lines, Painting*

Eksplorasi Garisan dalam Lukisan Lanskap dan Seni Bina

Salmah Ali*

*Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka
Alor Gajah, Melaka, Malaysia
Penulis koresponden
Emel: salmah_ali77@uitm.edu.my*

Haslinda Abdul Razak*

*Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka
Alor Gajah, Melaka, Malaysia
Emel: haslinda802@uitm.edu.my*

Shaliza Dasuki*

*Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka
Alor Gajah, Melaka, Malaysia
Emel: shahmd@uitm.edu.my*

Baharim Khusil@Samuri*

*Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka
Alor Gajah, Melaka, Malaysia
Emel: baharim@uitm.edu.my*

Tarikh masuk: **18.11.2023**; Tarikh terima: **05.02.2024**; Tarikh diterbitkan: **03.04.2024**

**Penulis ini memberi sumbangan yang sama kepada kajian ini*

ABSTRAK

Garisan merupakan salah satu daripada enam elemen asas dalam seni reka yang paling dominan dan terpenting dalam penghasilan karya seni. Garisan merupakan cantuman dari titik A ke titik B atau titik-titik yang bersambungan serta yang mempunyai jarak tertentu. Garisan turut memainkan peranan yang amat penting dalam mewujudkan rupa, bentuk, jalinan, pergerakan, ton dan corak. Kewujudan visual seni lukisan adalah kerana diolah menggunakan kepelbagaian garisan dengan ciri-ciri jenis garisan tersendiri. Kajian ini bertujuan menganalisis fungsi garisan yang dapat menimbulkan ilusi cahaya dan bayang dan menterjemahkan psikologi garisan terhadap persepsi manusia. Gambaran lanskap dan seni bina yang memaparkan kualiti garisan dihasilkan melalui teknik-teknik seperti “continuous line drawing” dan “gesture”. Data-data yang dikumpulkan untuk tujuan analisa kajian ini adalah daripada beberapa siri lukisan yang telah dihasilkan semasa perjalanan ke lokasi-lokasi percutian iaitu Pulau Pinang, Melaka dan Pahang. Kaedah apresiasi yang digunakan adalah berdasarkan analisa formalistik yang dinyatakan oleh pengkritik seni abad ke-19, Roger Fry melalui pemerhatian dan perbandingan untuk menilai fungsi garisan dan persepsi psikologi. Dapatan kajian ini akan dapat memahami kepentingan elemen garisan untuk menimbulkan kesan atau ilusi realiti dalam penghasilan lukisan-lukisan bersifat 2 dimensi.

Kata Kunci: *Asas Seni Lukis, Aspek Formalistik, Garisan, Lukisan, Seni Lukis*

PENGENALAN

Garisan merupakan salah satu elemen asas dalam seni lukis dan seni reka. Garisan boleh ditakrifkan berdasarkan konteks seni visual sebagai sesuatu jalan atau jejak yang terhasil oleh titik-titik yang bergerak melalui sesuatu permukaan rata seperti kanvas, kertas, fabrik atau lain-lain yang sesuai (Pipes, 2008). Garisan memiliki gaya tarikan yang tersendiri. Di dalam dunia seni rupa, garisan dapat dijadikan sebagai ekspresi untuk mencetuskan idea, pemikiran dan emosi. Garisan bukan sekadar menjadi penghias di atas permukaan kanvas tetapi merupakan tapak untuk menghasilkan pelbagai karya seni bermula daripada lakaran sehingga visual terbentuk menjadi lukisan dan berkembang menjadi bentuk-bentuk seni yang berbeza. Pengertian lukisan menurut Edward Hill (1966) dalam bukunya berjudul *The Language of Drawing*;

“Drawing is the act of making mark, line, or incision on a surface; and the larger sense, a participant in the language” (p. 8).

Melukis adalah proses membuat tanda, garisan, atau senggatan pada permukaan; dan dalam pengertian yang lebih besar, bahasa lukisan dihasilkan” (ms. 8).

Mengapa artis melukis? Atau menghasilkan lakaran? Persoalan ini adalah persoalan yang sering ditanya apabila kita melukis sesuatu. Ini adalah kerana aktiviti melukis menjadi suatu tindakan secara spontan selepas kita melihat, menghayati dan berfikir dengan jelas. Ini adalah satu proses pemikiran yang kreatif. Memetik kata-kata arkitek Itali, Carlo Scarpa; “*I draw so I can see*”, menggambarkan pemikiran beliau bahawa proses atau aktiviti melukis ini juga adalah satu terapi atau meditasi yang akan membawa pelukis dan penonton ke suatu dunia yang lain (Sullivan, 1997).



Rajah 1. Salah satu karya terawal Leonardo da Vinci *Drawing of the Tuscan Landscape*, bertarikh 1473 yang bertajuk, “*Day of St. Mary of the Snows*”. Ia juga dikenali sebagai *the first true landscape drawing in Western Art*.

(Sumber: Bramly, 1991, Lucerne, Switzerland)

Terjemahan Zakaria Ali mengenai konsep keindahan dalam kesenian yang dinyatakan oleh J.J Winckelmann ialah pemerhati dan benda yang diperhati akan membentuk suatu konsep; benda yang diperhati mungkin adalah *subject matter*, sumber ilham atau apa-apa subjek yang kemudiannya akan

memberikan satu rasa pada fikiran dan daya usaha untuk mereka ciptakan sesuatu (Zakaria, 2013). Berdasarkan kepada pandangan ini, boleh dikatakan karya yang dihasilkan dari lakaran serta mengambil gambar masjid, bangunan-bangunan lama dan bersejarah, tempat-tempat ibadah, dan tempat rekreasi serta catatan log perjalanan pelukis sendiri.

Penghayatan seni berasaskan Tauhid mengikut pandangan Ismail Al-Faruqi adalah penghayatan nilai keunggulan (*transcendence*) dalam estetika. Keunggulan melalui pengalaman estetik ialah pengertian melalui deria terhadap sesuatu intipati yang bertugas sebagai prinsip *normative* dalam menghayati sesuatu objek (Al-Faruqi, 2020).

Pandangan keindahan daripada catan-catan lanskap China melalui esei-esei mengaitkan keperibadian seseorang pelukis akan menjadi perkara penting dalam amalan berkarya. Pemaknaan yang direkodkan dalam kamus awal Cina; “catan ialah gambaran”, menunjukkan bahawa gambaran atau representasi muncul menjadi catan. Pandangan-pandangan terhadap catan San Shui Hsun; mengapakah seseorang mudah tertarik kepada catan lanskap? Persoalan ini dijawab melalui ekspresi yang boleh dialami oleh seseorang yang berada didalam suasana desa, dengan deruan angin, bunyi kicauan burung dan serangga. Adanya batu-batuan di dalam sungai yang sejuk airnya merupakan satu ketenangan jika dibandingkan dengan kesesakan, hiruk-pikuk dan pencemaran bunyi selain udaranya kotor, berdebu, sesak dan terkepung terasa begitu menyesakkan bukanlah sesuatu yang disukai oleh manusia sebenarnya. Kulit yang merasai kedinginan suhu puncak gunung yang berkabus dan kelembapan udara diwaktu pagi, adalah keinginan yang seringkali ingin dicari tetapi bukan semudah yang dibayangkan. Inilah satu bentuk perasaan beremosi dan tanggapan naratif romantik terhadap lanskap. Terdapat cara yang berbeza untuk menghayati lukisan bertemakan pemandangan alam semulajadi. Jika orang yang mendekatinya dengan semangat pecinta alam, nilai keindahannya akan menjadi tinggi, dan sebaliknya, jika melihatnya dengan sifat riak, sombong dan bongkak, maka nilainya akan menjadi rendah (Zakaria, 2013).

KAJIAN LITERATUR

Sejarah Perkembangan Catan-catan Lanskap Seni Barat Abad ke-18 dan Abad ke-19.

Pengkajian mengenai sejarah perkembangan seni catan lanskap di Barat. Kaedah mencatan pada zaman sebelum abad ke-20 mengamalkan kaedah *easel painting*, iaitu melukis secara aktiviti luaran dengan banyak membuat pemerhatian terhadap alam serta yang menyebabkan peniruan langsung kesan daripada persepsi yang berkait dengan penghayatan psikologi pandangan visual yang dialihkan ke atas kanvas. Penghayatan dan pemerhatian ke atas alam semulajadi dengan menitik-beratkan unsur-unsur rakaman aktiviti harian mendominasi catan-catan gaya *Impressionism* dan *Post-impressionism* abad ke-19 (Stokstad, 1999).

Penghasilan karya bertemakan gaya *Impressionism* banyak menunjukkan reaksi manusia kepada alam semulajadi. *Impressionism* dan subjek-subjek alam, lanskap, suasana keliling dianggap sekadar satu luahan ekspresi pelukis-pelukis yang gemar memerhati pandangan biasa dalam kehidupan yang mereka lalui setiap hari dan langsung tidak ada kaitan dengan inspirasi keagamaan. Tanggapan dramatik era perindustrian memberikan rasa pesona terhadap citarasa kehidupan serba pantas dan mengimbangi kepayahan menempuhi kehidupan di zaman serba moden. Aura dan semangat perjuangan romantik semakin ditinggalkan sedikit demi sedikit (Pool, 1997).

Sebelum catan-catan lanskap menjadi trend dan dianggap sebagai satu tema lukisan, yang kemudiannya menjadi identiti nasional lukisan-lukisan di barat seperti di Britain, gambaran lanskap hanya digunakan sebagai latar belakang dalam catan-catan bertemakan potret, dan imej lanskap bukannya gambaran subjek penting atau utama dalam sesuatu lukisan. Semakin banyak kemunculan lukisan-lukisan yang bertema lanskap menunjukkan kecenderungan pelukis-pelukis barat pada masa itu mulai menerima lukisan-lukisan lanskap sebagai tema seni atau subjek utama (Leonhard, 2022).

Inspirasi Garisan daripada Catan Lanskap China

Elemen-elemen seni ini merujuk kepada proses kreativiti bagaimana sesuatu rupa dan bentuk seni dihasilkan atau dilukis dengan menggunakan medium tertentu di atas sesuatu permukaan panel. Elemen garisan merupakan elemen utama dalam penghasilan lukisan hasil pertambahan nilai garisan. Dengan perkembangan teknologi *Artificial Intelligence* terdapatnya aplikasi atau perisian yang boleh digunakan untuk menghasilkan lukisan. Dengan menggunakan lukisan catan-catan lanskap seperti Catan Lanskap Cina, kajian empirikal saintifik ini menggunakan elemen garisan bagi membentuk imitasi kesan pewarnaan cat air dalam perisian 3-dimensi yang bertemakan catan lanskap (Ma, 2022). Penggunaan animasi dalam visualisasi imej lukisan lanskap membantu artis menghasilkan seni digital dengan lebih efektif.

Pengkajian aspek garisan dalam konteks aplikasi perisian komputer 3D dengan menggunakan inspirasi catan-catan lanskap China merumuskan kepentingan simulasi ini untuk mencipta imej-imej maya 3-dimensi bagi penghasilan latar-belakang animasi yang dijanakan untuk mendapat efek catan air sama seperti penghasilan catan-catan manual cat air (Li, 2012).

METODOLOGI

Kaedah apresiasi yang digunakan adalah berdasarkan teori analisa formalistik yang dinyatakan oleh sarjana Inggeris, Roger Fry, seorang cendekiawan berkelas tinggi dan sangat menyanjungi kebudayaan kesenian tinggi Renaissance. Roger Fry juga merupakan pemikir dan pengkritik seni barat yang menciptakan istilah *Post-Impressionism* dalam penulisannya. Idea penghayatan seni berdasarkan kaedah Roger Fry menekankan kepada dua aspek iaitu; aspek formal (*formal properties*) dan idea-idea berkaitan (*associated ideas*). Dalam penghayatan kesenian, Fry mengutamakan dengan peranan psikologi yang mempunyai hubungan dengan naluri dimana dengan melihat sesuatu (karya seni) secara berhadapan, memori akan menjadi teras ingatan lantas ia menggalakan suatu bentuk penafsiran makna secara imaginasi walaupun kita tidak lagi berada dekat atau melihat karya tersebut secara langsung (Fry, 1982).

Psikologi persepsi dalam konteks penghayatan seni oleh Fry juga menekankan aspek pembedaan (*framing*) untuk menimbulkan ilusi rasa “terkepung” oleh bingkai catan atau karya tersebut. Ilusi “pengepungan” ini akan membataskan lingkaran naratif dalam catan tersebut bagi tujuan peningkatan keseronokan semasa menghayati dan ianya hanya akan dapat dinikmati sepenuhnya apabila fokus persepsi penonton hanya tertumpu kepada ruang lingkup “*framing*” lukisan tersebut serta tempoh masa yang diambil untuk melihatnya. Hanya daripada proses ini pemerhati dapat menilai “*significant form*” yang dihasilkan oleh pelukis melalui lukisannya.

Jadual 1. Proses Apresiasi Seni oleh Roger Fry

	Proses Penghayatan	Keterangan
Aspek-aspek Formalistik (Formalistic Properties)	Deskripsi (<i>Description</i>)	Maklumat-maklumat berkaitan tentang karya; pelukis, tarikh, dan lain-lain. Media, bahan dan teknik yang digunakan
Idea-idea berkaitan (Associated Ideas)	Analisis (<i>analysis of Formal Subjects</i>), (<i>Analysis of Formal Elements</i>), (<i>Analysis of Arrangement of Composition</i>)	Analisa subjek-subjek formal; mengenal pasti dan menamakannya Analisa elemen-elemen formal yang boleh dilihat. Analisa susunan / komposisi Karya (prinsip-prinsip rekabentuk).
Aspek Pembangkaian Kandungan Karya dan Makna (Framing)	Kandungan karya dan maknanya (<i>Interpretation</i>) Lingkaran naratif	Menterjemahkan subjek, simbol, lambang, imej yang mempunyai makna dan diterjemahkan mengikut konteks tertentu seperti aspek kebudayaan, keagamaan, politik dan lain-lain. Unsur penceritaan yang boleh dinyatakan tertakluk kepada persepsi ilusi “pengepungan”.

DAPATAN KAJIAN


Terdapat beberapa kualiti garisan yang penting dalam menghasilkan karya ini, yang mana juga ia sangat penting untuk membentuk atau menggambarkan bentuk, tekstur, tonal, pergerakan, jarak dan ruang. Kualiti ini terbahagi kepada empat aspek penting iaitu ketebalan atau nipis sesuatu garisan serta terang atau gelap garisan tersebut. Contohnya didalam sebuah lukisan ketebalan sesuatu garis yang berbeza dapat digunakan untuk menekan atau menegaskan objek tersebut berada di hadapan atau belakang. Manakala terang atau gelapnya garisan itu juga dapat mencipta ilusi ruang (Ocvirk at el., 2009).

Fungsi garisan dalam seni visual digunakan secara dominan kerana ia merupakan elemen seni yang paling *essential*, nyata dan signifikan kerana tanpa unsur tersebut, maka rupa dan bentuk lukisan tidak tercipta (Lasa, 2010). Pengulangan garisan yang bertindih juga memberikan nilai (*value*) untuk menciptakan ilusi bentuk dan ruang atas permukaan lukisan yang rata dan bersifat 2-dimensi. Garisan dapat digunakan untuk pelbagai tujuan dalam seni, ia boleh digunakan untuk membentuk objek, memperincikan lukisan (*details*) dengan lebih teliti, menghasilkan tekstur apabila digabungkan pelbagai jenis garis dalam satu-satu ruang atau tempat, dan mengekspresikan pergerakan. Nilai garisan juga menciptakan ilusi kesan cahaya dan bayang-bayang yang dapat menghasilkan ilusi kedalaman (*depth*) dan ruang, manakala ilusi garisan yang menunjukkan perspektif menjelaskan struktur objek dan bangunan dan ia turut membantu penonton menghayati sesebuah karya seni itu (Lazzari & Schlesier, 2008).

Penghasilan seni catan yang bertemakan lanskap alam semulajadi adalah satu bentuk pengkaryaan yang meniru (*imitate*) daripada pemerhatian langsung. Ekspresi peniruan alam itu juga ditandakan dengan aplikasi pigmen-pigmen warna atas permukaan panel lukisannya (Fry, 1982). Proses penghayatan alam ataupun proses pemerhatian ke atas alam juga mempunyai kaitan terhadap pandangan saintifik dan psikologi yang melibatkan persepsi. Bagaimana tanggapan mata terhadap realiti alam sebenar, kemudian dipindahkan ke atas panel lukisan menjadi gambaran (Ghazali, 2015). Tanggapan mata seniman tidak hanya melihat imej, subjek dan objek yang dilihat tetapi seniman juga secara kritisnya telah merakam waktu itu dengan kefahaman tentang warna alam yang berubah kesan kejauhan perspektif (*aerial perspective*) dan perubahan masa yang pantas, sebelum saat itu berlalu. Kerana itu apabila Fry mengkritik

dan menulis tentang catan-catan moden yang mulai berkembang pada abad ke-19, ungkapan *Impressionism* menjadi satu sebutan dan gelaran yang sangat bertepatan kepada aliran tersebut (Kleiner, 2009).

Perbincangan pada bahagian pengenalan dan kajian literatur banyak menyebut catan-catan lanskap sama ada yang dihasilkan dengan gaya seni barat ataupun seni tradisi dalam kebudayaan Cina. Dalam bahagian analisa ini, membincangkan aspek formalistik






Rajah 2. Catatan Travelog I Negeri Pulau Pinang
(Sumber: Ilustrasi oleh Salmah Ali, 2019)



Rajah 3. Catatan Travelog II Negeri Pahang menyerupai catan lanskap Cina
(Sumber: Ilustrasi oleh Salmah Ali, 2023)


Jadual 2. Analisa garisan daripada lukisan lanskap catatan travelog I dan II

Karya	Analisa Garisan dalam Lukisan Lanskap
 <p>(Sumber: Ilustrasi oleh Salmah Ali, 2023)</p>	<p>Terdapat beberapa kualiti garisan yang penting dalam menghasilkan karya ini, yang mana juga ia sangat penting untuk membentuk atau menggambarkan bentuk, tekstur, tonal, pergerakan, jarak dan ruang. Kualiti ini terbahagi kepada empat aspek penting iaitu ketebalan atau nipis sesuatu garisan serta terang atau gelap garisan tersebut. Contohnya didalam sebuah lukisan ketebalan sesuatu garis yang berbeza dapat digunakan untuk menekan atau menegaskan objek tersebut berada di hadapan atau belakang. Manakala terang atau gelapnya garisan itu juga dapat mencipta ilusi ruang yang dikaitkan dengan perspektif. Lebih tebal garisan menunjukkan kedekatan dan sebaliknya. Pelbagai jenis garisan lurus diaplikasikan sama ada garisan lurus melintang, menegak, diagonal kiri dan diagonal kanan untuk menjelaskan struktur binaan yang kukuh dan selamat.</p>
 <p>(Sumber: Ilustrasi oleh Salmah Ali, 2023)</p>	<p>Garisan melengkung merupakan garis yang memiliki lengkungan atau berkeluk. Garis melengkung merujuk kepada suatu bentuk atau lintasan yang tidak bersifat lurus atau datar, tetapi mengandungi lengkungan atau kelengkungan separa bulat. Ia juga berupa garisan yang lebih cenderung kepada garis berbentuk separa bulat atau spiral. Garisan ini banyak digunakan pada batuan, pokok kayu serta akar pokok dan sebahagian bangunan. Pelbagai jenis garisan melengkung digunakan khusus pada batuan di gua, lantern tanglung ikan, jambatan dan pokok-pokok.</p>
 <p>(Sumber: Ilustrasi oleh Salmah Ali, 2023)</p>	<p>Garisan diagonal merupakan garis yang cenderung miring atau tidak sejajar kiri atau kanan di atas permukaan kertas, kanvas atau lain-lain permukaan yang bersesuaian. Garisan ini memberikan kesan kedalaman ruang dalam lukisan bersifat 2-dimensi atau dinamik dalam sesebuah karya seni. Didalam karya ini ianya banyak digunakan pada bahagian bangunan tertentu untuk mencipta struktur bangunan tersebut, seakan sama dengan persepsi perspektif yang jelas pada alam semulajadi. Garisan diagonal banyak digunakan pada bumbung masjid ini. Unsur garisan diagonal dalam lukisan lanskap juga menunjukkan garisan ilusi perspektif satu titik lenyap (<i>one-point perspective</i>).</p>



(Sumber: *Ilustrasi oleh Salmah Ali, 2023*)

Garis putus-putus pula terdiri dari rangkaian garis pendek yang banyak serta terputus. Garis ini sering digunakan untuk menunjukkan batas, atau pergerakan ombak, alunan angin atau pohon yang ditiup angin dengan menggunakan garis ini. Garis putus-putus digunakan pada alunan ombak untuk menunjukkan pergerakan. Garis putus-putus kelihatannya tidak lengkap tetapi memberikan persepsi bentuk yang lengkap pada imej pokok.




(Sumber: *Ilustrasi oleh Salmah Ali, 2023*)

Garis titik-titik atau juga dikenali sebagai garis berpola titik-titik adalah sebuah teknik yang dibentuk dengan rangkaian titik yang ditempatkan secara berturut-turut dalam pola-pola tertentu sama ada dalam saiz yang sama, berbeza saiz, terang atau gelap titik-titik tersebut. Pola titik-titik ini biasa digunakan untuk menunjukkan kedalaman atau ciri-ciri objek dan menghasilkan tekstur sesuatu permukaan. Dalam karya ini pola titik-titik ini digunakan pada tumbuhan, haiwan dan pasir. Garis titik-titik ini banyak digunakan pada bahagian tubuh badan haiwan untuk menunjukan tekstur bulu haiwan.




(Sumber: *Ilustrasi oleh Salmah Ali, 2023*)

Garis berserabut atau bersimpul merupakan garis yang memiliki banyak cabang, tidak teratur, berselerakkan serta tidak tahu dimana hujung pangkalnya. Ia juga dikenali sebagai garis berselerak merujuk kepada suatu garis atau lintasan yang tidak mengikuti pola lurus atau teratur, tetapi menunjukkan perubahan arah yang tidak konsisten atau tidak teratur. Pelbagai jenis garis berserabut digunakan khusus pada batuan di gua, tanglung ikan, jambatan dan pokok-pokok.



(Sumber: *Illustrasi oleh Salmah Ali, 2023*)

Garisan berbentuk adalah garis yang membentuk pola atau bentuk tertentu seperti zigzag, pola berulang seperti satu garis yang berbenteng adalah gelombang segi empat, melambangkan tembok berbenteng sebuah istana kebanyakannya berbentuk geometrik. Garisnya berbentuk ini biasanya adalah selari dan diantara garisan itu ada benteng-benteng, istilah yang digunakan adalah *bretessé*.



Rajah 4. Sebahagian daripada Catatan Travelog II Negeri Pahang


(Sumber: *Illustrasi oleh Salmah Ali, 2023*)

Garisan *hashed*, atau juga dikenali sebagai garisan bergaris-garis, merujuk kepada garisan yang ditandakan dengan corak berulang yang terdiri titik-titik, garisan-garisan kecil atau simbol-simbol berulang. Penggunaan garisan ini akan menambahkan jalinan pada permukaan sesuatu objek atau kawasan (pada lukisan). Garisan jenis ini sering ditemui dalam carta pelan, atau gambar teknikal untuk membezakan antara bahagian yang berlainan atau memberikan maklumat tambahan mengenai suatu kawasan atau objek.

Terdapat beberapa kualiti garisan yang penting di dalam menghasilkan karya ini, yang mana juga ia sangat penting untuk membentuk atau menggambarkan bentuk, tekstur, tonal, pergerakan, jarak dan ruang. Kualiti ini terbahagi kepada empat aspek penting iaitu ketebalan atau nipis sesuatu garisan serta terang atau gelap garisan tersebut. Contohnya, didalam sebuah lukisan ketebalan sesuatu garis yang berbeza dapat digunakan untuk menekan atau menegaskan objek tersebut berada di hadapan atau belakang. Manakala terang atau gelapnya garisan itu juga dapat mencipta ilusi ruang.

Fungsi garisan dalam seni visual digunakan dengan sangat maksimal kerana ia bersifat sangat mudah kerana dari usia awal kita bermula dengan lukisan pertama kita adalah garisan. Garisan dapat digunakan untuk pelbagai tujuan dalam seni, ia boleh digunakan untuk membentuk objek,

menggambarkan secara detail atau teliti, menghasilkan tekstur apabila digabungkan pelbagai jenis garis dalam satu-satu ruang atau tempat, mengekspresikan pergerakan, ia juga mencipta kesan cahaya dan bayang-bayang yang dapat menghasilkan ilusi kedalaman, struktur objek dan bangunan dan ia turut membantu penonton menghayati sesebuah karya seni itu.



Rajah 5. Pelbagai jenis tekstur daripada nilai gelap ke terang dengan menggunakan pengulangan elemen garisan
(Sumber: *Drawing*, 1987)

Terdapat beberapa prinsip-prinsip seni lukis dan seni reka dalam karya ini yang digunakan bagi membantu pelukis mengeksplorasi penggunaan garisan dan prinsip yang bersesuaian. Pengulangan, garisan digunakan untuk mencipta pola pengulangan di dalam karya ini. Sebagai contoh garisan yang lurus panjang atau pendek bila ditempatkan secara teratur akan membentuk pola yang terulang. Namun garisan yang diulang-ulang di dalam saiz dan kedudukan yang berbeza akan menghasilkan keunikan yang tersendiri dan mampu menciptakan kesan visual yang menarik.

Penegasan dapat dilihat dalam penggunaan garisan yang berbeza dari segi ketebalan, nipis, terang atau gelapnya. Garisan ini digunakan untuk menumpukan kepada beberapa element terpenting dalam karya sebagai contoh penggunaan garisan yang lebih tebal atau gelap untuk menegaskan objek tersebut.

Pergerakan serta irama banyak digunakan dalam karya ini kerana penggunaan garisan yang memiliki arah atau pola-pola tertentu dapat menciptakan pergerakan visual dalam karya. Garisan diagonal kanan atau kiri, yang mengarah ke suatu titik yang menciptakan pergerakan atau aliran. Contoh untuk pergerakan air atau ikan koi dalam karya ini.

KESIMPULAN

Kepentingan garisan sebagai elemen seni lukis dan seni reka dalam karya ini membantu pelukis mengeksplorasi lukisan lanskap sebagai penghasilan catatan travelog. Penggunaan jenis-jenis garisan dan elemen lainnya serta aplikasi prinsip-prinsip seni reka yang bersesuaian menghasilkan kepelbagaian tekstur dalam lukisan tersebut. Pengulangan garisan juga menambahkan nilai terang gelap, digunakan untuk mencipta bentuk imej berdasarkan pengamatan (*observation*) alam semula jadi. Sebagai contoh garisan yang lurus panjang atau pendek bila ditempatkan secara teratur akan membentuk pola yang terulang, namun begitu garisan yang diulang-ulang di dalam saiz dan kedudukan yang berbeza akan menghasilkan keunikan yang tersendiri dan mampu menciptakan kesan visual yang menarik.

Daripada analisa yang dilakukan garisan dapat digunakan untuk pelbagai tujuan dalam seni. Lakaran di atas panel lukisan dengan menggunakan medium-medium tertentu dan bersesuaian, membolehkan proses bagaimana objek atau imej lukisan dihasilkan. Kepelbagaian tekstur untuk membolehkan gambaran diolah secara terperinci, dan apabila tekstur digabungkan, pelbagai jenis garisan boleh dihasilkan untuk disesuaikan aplikasi garisan itu dalam satu-satu ruang atau tempat, atau garisan sebagai menunjukkan tanda adanya pergerakan. Garisan yang bertindih-tindih juga memberikan nilai seperti terang atau gelap dan ia juga mencipta kesan cahaya dan bayang-bayang bagi menghasilkan ilusi bentuk dan struktur objek 3-dimensi. Demikian juga garisan diagonal memberikan ilusi perspektif untuk menunjukkan ruang kedalaman (*depth*) untuk menghasilkan lukisan-lukisan bangunan, lanskap dan ia turut membantu penonton menghayati sesebuah karya seni itu.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada UiTM Cawangan Melaka khususnya kepada pengurusan Kolej Pengajian Seni Kreatif atas sokongan dan dorongan yang diberikan bagi merealisasikan penerbitan artikel ini.

RUJUKAN

- Al-Faruqi, I. (2020). Tauhid: Prinsip Estetika. In Z. Ali (Ed.), *Teori-teori Seni: Bacaan Pilihan* (Sixth Edit, pp. 124–148). Kota Bharu, Kelantan: Kedai Hitam Putih.
- Fry, R. (1982). An Essay in Aesthetics. In F. Frascina & C. Harrison (Eds.), *Modern Art and Modernism: A Critical Anthology* (1st ed., pp. 75–82). Routledge.
- Ghazali Daimin. (2015). *Komunikasi Visual: Teori dan Falsafah*. Shah Alam, Selangor: Penerbit UiTM.
- Hill, E. (1966). *The Language of Drawing*. New Jersey, United States: Prentice Hall.
- Kleiner, F. S. (2009). *Gardner's Art Through The Ages* (Thirteenth). Boston: Thomson Wadsworth.
- Lasa, H. (2010). Hakikat Lukisan dalam Pendidikan Seni Visual. In M. J. Ab. Hamid (Ed.), *Metodologi Pendidikan Seni Visual* (2nd ed., pp. 49–60). Tanjong Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Lazzari, M., & Schlesier, D. (2008). *Exploring Art: A Global, Thematic Approach* (3rd ed.). California, United States: Thomson Wadsworth.

- Leonhard, K. (2022). Painted Landscape before Landscape Painting in Early Modern England (pp. 153–178). <https://doi.org/10.1017/9789048552153.004>
- Li, D. (2012). An Automatic Rendering Method of Line Strokes for Chinese Landscape Painting. In *International Conference on Virtual Reality and Visualization*. Qinhuangdao, China.
- Ma, C. (2022). Morphological Structural Element Optimization for Automatic Line Characterization of Ink Drawings. *Hindawi*, 2022. <https://doi.org/10.1155/2022/8595203>
- Ocvirk, O. G., Stinson, R. E., Wigg, P. R., Bone, R. O., & Cayton, D. L. (2009). *Art Fundamental: Theory and Practice*. (C. A. Cayton, Ed.) (11th ed.). New York, USA: McGraw-Hill.
- Pipes, A. (2008). *Foundations of Art and Design* (2nd ed.). London: Laurence King Publishing.
- Pool, P. (1997). *Impressionism*. London: Thames and Hudson Ltd.
- Stokstad, M. (1999). *Art History* (Revised). New York, USA: Harry N Abrams.
- Sullivan, C. (1997). *Drawing the Landscape* (2nd ed.). New Jersey, United States: Wiley.
- Zakaria Ali. (2013). *Kuliah Estetik*. (S. Abdullah, Ed.). Kota Bharu, Kelantan: Kedai Hitam Putih.